15 Mac 2022
*15 March 2022*
P.U. (A) 56

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

# *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

## PERATURAN-PERATURAN IMIGRESEN (PINDAAN) 2022

## *IMMIGRATION (AMENDMENT) REGULATIONS 2022*

DISIARKAN OLEH/
*PUBLISHED BY*
JABATAN PEGUAM NEGARA/
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA IMIGRESEN 1959/63

PERATURAN-PERATURAN IMIGRESEN (PINDAAN) 2022

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 54 Akta Imigresen 1959/63 [*Akta 155*], Menteri, dengan persetujuan Ketua Menteri Sabah dan Sarawak, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Imigresen (Pindaan) 2022**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 16 Mac 2022.

**Pindaan Jadual Ketiga**

2. Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 [*L.N. 228/1963*], yang disebut "Peraturan-Peraturan ibu" dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam Jadual Ketiga—

*(a)* dalam butiran V—

(i) dengan menggantikan subbutiran (vii) dengan subbutiran yang berikut:

| | | | |
|---|---|---|---|
| "(vii) | For any non-Malaysian citizen permitted by the Government to join the retirement programme or Malaysia as a second home programme | *(a)* RM500.00 | per year or part of a year for an application fee |
| | | *(b)* RM5000.00 | per issuance for a processing fee"; dan |

(ii) dengan memasukkan selepas subbutiran (vii) subbutiran yang berikut:

| | | | |
|---|---|---|---|
| "(vii*a*) | For the dependant of the holder of Visit Pass issued to a non-Malaysian citizen permitted by the Government to join the retirement programme or Malaysia as a second home programme | *(a)* RM500.00 | per year or part of a year for an application fee |
| | | *(b)* RM2500.00 | per issuance for a processing fee"; dan |

*(b)* dalam butiran VIII—

(i) dengan memotong perkataan "and" di hujung subbutiran *(a)*; dan

(ii) dengan memasukkan selepas subbutiran *(a)* subbutiran yang berikut:

"*(aa)* a processing fee for any Visit Pass issued to a non-Malaysian citizen permitted by the Government to join the retirement programme or Malaysia as a second home programme in Sabah or Sarawak;

*(ab)* a processing fee for any Visit Pass issued to the dependant of the holder of Visit Pass issued to a non-Malaysian citizen permitted by the Government to join the retirement programme or Malaysia as a second home programme in Sabah or Sarawak; and".